

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kemaslahatan menjaga alam sekitar dan usaha-usaha melestarikan keindahan alam sekitar di negara ini. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang amat bernilai kepada kesejahteraan hidupan. Manusia banyak bergantung kepada sumber-sumber semula jadi di muka bumi ini. Tuhan telah mencipta alam ini seimbang untuk kemakmuran manusia. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-ganang sebagai pasak bumi dan tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada hidupan. Begitu juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan. Alam sekitar yang bersih membolehkan kita menyedut udara yang segar. Udara yang bersih merupakan nikmat yang sangat bernilai kepada kehidupan manusia. Kawasan yang bersih dan udara yang segar lazimnya dipenuhi dengan tumbuhan menghijau. Tumbuh-tumbuhan membebaskan oksigen ke udara dan membolehkan badan kita mendapatkan bekalan oksigen yang secukupnya. Udara yang bersih dan segar juga membolehkan kita menikmati keselesaan hidup.

Alam sekitar yang menghijau membuatkan kita berasa selesa. Cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh kenaikan suhu dapat dielakkan dan membolehkan kita menjalani kehidupan dalam keadaan cuaca yang baik. Melalui persekitaran yang segar dan nyaman juga, orang ramai boleh melakukan aktiviti luar dan beriadah tanpa gangguan. Aktiviti riadah yang dilakukan dalam suasana persekitaran yang bersih akan meningkatkan tahap kesihatan kita. Selain itu, penanaman pokok-pokok haruslah dirancang dengan teratur dari semasa ke semasa. Penanaman tumbuhan hijau bertujuan mengurangkan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida. Alam sekitar yang bersih juga dapat mengelakkan pembiakan serangga pembawa penyakit. Persekitaran yang bersih menghalang haiwan seperti lalat, nyamuk dan tikus daripada membiak dan menyebarkan penyakit kepada manusia seperti malaria, demam denggi dan hawar.

Selain itu, persekitaran yang bersih juga mengelakkan bau yang boleh mengganggu keselesaan hidup. Selain itu, air merupakan sumber asli yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Air sangat diperlukan oleh tubuh manusia sehingga manusia dapat bertahan hidup dalam beberapa hari sahaja tanpa makanan. Tubuh kita yang mengandungi lebih kurang 70 peratus air. Oleh itu, alam sekitar yang menghijau menyebabkan kita mendapat sumber air yang bersih. Sekiranya kehilangan air, hal ini akan mengakibatkan kita kehilangan tenaga. Air bukan sahaja penting kepada manusia malah kepada hidupan lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Air yang suci dan bersih merupakan penjana kepada hidupan di muka bumi.

Selain itu, alam sekitar yang dijaga oleh semua lapisan masyarakat dapat *mengelakkan kepupusan* haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Haiwan dan tumbuh-tumbuhan merupakan satu daripada sumber makanan kepada manusia. Pencemaran alam sekitar yang berlaku akan menyebabkan kemusnahan habitat haiwan dan akan menyebabkan sumber makanan manusia akan berkurangan. Sebagai contoh, hidupan laut seperti udang dan ikan merupakan sumber makanan yang mengandungi protein yang penting untuk kesihatan. Di samping itu, alam sekitar yang bersih akan dapat meningkatkan ekonomi negara. Masyarakat yang mementingkan kebersihan dan nilai kedamaian akan dapat menarik perhatian pelancong asing. Kedatangan pelancong asing ke negara kita akan meningkatkan nilai tukaran wang asing, seterusnya akan dapat memajukan perkembangan ekonomi negara. Kedatangan mereka juga akan menyebabkan masyarakat desa yang ada hubung kait dengan industri pelancongan dapat dimajukan. Seterusnya, kedatangan pelancong asing juga mengurangkan kadar pengangguran apabila lebih ramai belia melibatkan diri dalam industri yang berkaitan dengan pelancongan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Alam Sekitar dan Anda oleh Zaimie Zainuddin,
Dewan Siswa, Julai 2012)

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengelakkan kepupusan*. [2 markah]

- (ii) Jelaskan manfaat-manfaat yang diperolehi daripada kedatangan pelancong ke negara ini. [3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah kekangan-kekangan yang terpaksa dihadapi untuk menjayakan pembangunan mesra alam di negara ini? Berikan alasan anda. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- ONN : Cuba tuan tanya setiap orang yang berbangsa Melayu. Mahukah kamu merdeka? Tentu mereka tidak mahu. Merdeka ertinya berjuang, itu yang mereka tidak bersetuju. Lebih baik tangkap ikan, duduk di warung kopi, lepas itu mengelamun tak merentu. Itulah yang harus kita pecahkan. Kebuntuan pemikiran Melayu harus kita selesaikan. Yang duduk di kedai kopi harus kita sedarkan. Yang bodoh tidak belajar, harus kita sekolahkan. Barulah kemunduran dapat diatasi. Orang Melayu bekerja penuh dedikasi. Tidak lagi dilamun mimpi. Dan kemiskinan dapat dibasmi.
- SYED HUSSEIN : Tepat sekali, tetapi kita harus ada tempat untuk menyuarakan segala pendapat. Sebagai nelayan suara kita tersekat. Perjuangan tak sampai ke matlamat.
- ONN : Hanya ada satu cara untuk menyuarakan pendapat. Dalam surat khabar kita boleh menulis dengan tepat. Masa sudah tiba untuk mengubah pemikiran rakyat supaya tidak merempat.
- SYED HUSSEIN : Benar, kerana itulah saya datang berjumpa dengan Encik Onn ini. Kita harus tubuhkan akhbar kita sendiri. Di sana suara kita menjadi saksi. Rakyat harus dibangunkan dari segala segi.

(Dipetik daripada drama
Dato' Onn' oleh Othman Haji Zainuddin
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Dato' Onn menyatakan sebab-sebab orang Melayu tidak mahu merdeka.
Nyatakan dua sebab tersebut. (2 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mempertahankan kemerdekaan negara kita? (3 markah)
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Dato' Onn dalam petikan drama di atas dan **satu** perwatakan yang lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. (4 markah)

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka baginda pun masuk ke Negeri Johor. Maka dibedil orang dari kubu Johor. Maka segala meriam pun keluar air kepada mulut meriam. Satu pun tiada berbunyi. Maka baginda pun mudik, didayungkan oleh segala rakyat, sambil bertimang, berakung, lalu ke Pengkalan Rama, di jambatan dalam. Maka baginda pun melompat naik ke atas jambatan. Baginda memegang pedang kerajaan yang bernama Sepurejab, telah terhunus dari sarungnya. Setelah dilihat hulubalang yang berempat baginda seperti kilat melompat naik ke atas jambatan, maka hulubalang keempat sama melompat dengan pedang terhunus, mengiringkan baginda, dengan segala Orang Besar-besar, masing-masing dengan pedang dan perisai, seperti hadamat bunyinya.

Setelah didengar oleh Yang Dipertuan Johor akan baginda itu sudah masuk kota, maka Raja Johor pun segera keluarlah dengan anakanda baginda, pulang ke kampung Bendahara lama. Dan baginda pun sampai ke dalam kota, baginda masuk ke dalam istana, diiringkan empat hulubalang ternama. Sekalian orang Besar-besar semuanya berhenti di balai, menanti akan titah baginda juga. Setelah baginda sampai di dalam istana, dilihat baginda tiada ada Bendahara. Maka titah baginda "Ke mana pergi Bendahara, maka tiada ini?" Maka berdatang sembah Penghulu Istana, "Akan Datuk Bendahara sudah lari, tuanku." Dan baginda pun keluar ke balairung, dihadap segala hulubalang, Orang Kaya-Kaya semuanya, dengan senjata berkilat-kilat rupanya.

(Dipetik daripada

"Hikayat Siak",

dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*.

Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *seperti hadamat bunyinya* (2 markah)
- (ii) Bagaimanakah reaksi baginda apabila diserang ketika masuk ke negeri Johor? (3 markah)
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengalahkan musuh dalam peperangan?
Berikan dua cara. (3 markah)

Soalan 2 (d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DI BAWAH LANGIT YANG SAMA

Di bawah langit yang sama
Kita hirupi udara
Tanpa mengira Beirutmu
Ataupun Kuala Lumpurku
Kita menghirup udara
Di bawah langit yang sama.

Aku suka gerimis di Kota London
Pernah terpesona angin dingin-tajam di Washington
Pohon-pohon hijau atau aneka warna
tiada bezanya.

Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika
Kerana di bawah langit ini
Kita sama

Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan
Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera
Berkongsi siang miliki malam
Anyam cinta pelangikan zaman
Tiupkan harapan senada
Sesama kita – warga dunia
Di bawah langitnya
Yang sama

Peta-peta itu yang memisahkan
Jangan tutup pos sempadan
Visa hanya keperluan rasmi seketika
Pasport dokumen pengenalan titik mula
Kita dakapi mimpi tak berbeza
gapai hasrat
Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam
Di bawah langit ini yang
Sama.

Lim Swee Tin
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkap ketiga sajak di atas. (2 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang timbul jika masyarakat tidak bersatu padu? (3 markah)
- (iii) Nyatakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. (4 markah)

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
(30 markah)

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan ini sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) habis-habisan
- (ii) kecil-kecilan
- (iii) kenang-kenangan
- (iv) terang-terangan
- (v) terus-terusan
- (vi) timang-timangan

(6 markah)

(b) *Tukar ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Pakaian yang kotor itu saya basuh di perigi.
- (ii) Kepintaran pelajar istimewa itu dalam mata pelajaran Matematik dikagumi oleh semua guru sekolah kami.
- (iii) Kami sekeluarga dikejutkan oleh berita itu.

(6 markah)

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Jalan raya yang diperlebarkan di serata pelusuk negara akan memudahkan perjalanan orang ramai
- (ii) Ibu akan memasak ayah nasi beryani yang enak.
- (iii) Wabak selsema burung akan menjadi ancaman kepada penduduk dunia sekiranya tidak mencegah lebih awal.

(6 markah)

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Hakim memberikan hukuman penjara selama tujuh tahun kepada kedua-dua orang warga asing itu di atas kesalahan merompak dan meragut.
 - (ii) Ramai pelajar-pelajar yang menghadiahkan jambangan bunga kepada guru-guru mereka sebagai tanda pengiktirafan kepada usaha dan jasa guru.
 - (iii) Kemerdekaan yang dinikmati oleh kita sekarang ialah hasil pekerjaan nenek moyang dan para pejuang tanah air.
- (6 markah)

(e) *Nyatakan peribahasa yang hampir sama maksud dengan peribahasa di bawah.*

- (i) sehari selembat benang lama-lama menjadi kain.
- (ii) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (iii) air dicincang tidak akan putus

(6 markah)

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deanna Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan.

- (a) Dalam sesebuah novel, biasanya pengarang sering mengkritik kepincangan yang berlaku dalam masyarakat.

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, nyatakan **dua kritikan sosial** dan peristiwa-peristiwa yang sesuai.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, bandingkan **satu teknik plot** dalam setiap novel itu.

[8 markah]